



SEORANG guru, Lee Gin Chee melihat keadaan bilik darjah di Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina Pei Hwa, Kota Tinggi yang ditenggelami air apabila gelombang kedua banjir melanda Johor, semalam.



SEORANG mangsa banjir yang berada di atas bumbung rumahnya yang ditenggelami air diselamatkan di Taman Kuso, Kota Tinggi, Johor, semalam.

Johor banjir lagi

Oleh MAZNAH MOHD. ARSAD,
HASNURUL MOHAMED, NIZAM YATIM
dan ROHANI IBRAHIM

JOHOR BAHRU 12 Jan. – Belum pun sempat menarik nafas lega ekoran banjir besar bulan lalu, penduduk Johor kini terpaksa berhadapan dengan gelombang kedua bencana alam itu yang menyebabkan hampir 29,000 orang ditempatkan di pusat-pusat pemindahan di seluruh negeri ini sejak semalam.

Mereka terdiri daripada penduduk di beberapa daerah di negeri ini yang tempat tinggal masing-masing kembali dinaiki air.

Ini merupakan banjir kedua di Johor dalam tempoh tiga minggu selepas banjir luar biasa bulan lalu.

Gelombang kedua banjir itu melanda kawasan yang sama seperti banjir pertama pada 19 Disember. Sehingga pukul 12 tengah malam ini seramai 28,781 mangsa daripada

Amaran Jabatan Meteorologi

KUALA LUMPUR 12 Jan. – Banjir di Johor dijangka lebih buruk berikutan amaran Jabatan Meteorologi bahawa hujan di negeri itu akan berterusan sehingga Isnin ini.

Menurut jabatan berkenaan, hujan sederhana lebat itu yang berpunca daripada monsun timur laut di Laut China Selatan yang masih aktif akan turut melanda Pahang Tenggara serta menyebabkan hujan sederhana di Negeri Sembilan, Melaka, Terengganu dan Pahang Utara, dalam tempoh yang sama.

Selain itu monsun timur laut itu turut menyebabkan hujan sederhana lebat di Sabah dan Sarawak sehingga Isnin.

Lagi berita, gambar di muka 5, 6 dan 7

4,656 keluarga telah dipindahkan ke 148 pusat pemindahan di Johor.

Antara kawasan yang paling terjejas ialah Kluang dengan 7,194 mangsa dipindahkan ke 37 pusat pemindahan manakala bandar Kota Tinggi sekali lagi ditenggelami air sehingga paras dada menyebabkan bandar itu tidak boleh dihubungi melalui jalan raya utama Johor Bahru - Kota Tinggi.

Ini hanya boleh dihubungi melalui Jalan

Johor Bahru-Sungai Sayong-Kota Tinggi.

Air dari Sungai Johor, yang terletak di tengah-tengah bandar Kota Tinggi, mulai melimpah ke tebing. Ia juga melepasi paras bahaya 2.8 meter dengan bacaan terkini 2.9 meter.

Pegawai Penerangan Daerah Kota Tinggi, Abdul Razak Mohammad berkata, hujan yang berterusan sejak semalam dan bertembung pula dengan keadaan air pasang pukul

5 petang tadi menyebabkan air melimpah ke bandar itu.

Jabatan Meteorologi dalam satu kenyataan menyebut, keadaan banjir terbaru itu dijangka lebih buruk berikutan hujan lebat yang turun di negeri ini sejak kelmarin.

“Hujan itu diramalkan berterusan sehingga Isnin ini,” menurut kenyataan itu.

Johor – yang belum pulih sepenuhnya daripada tragedi banjir paling buruk dalam sejarah – semalam secara mendadak menerima taburan hujan tertinggi dalam tempoh seminggu lepas.

Banjir kedua itu menyebabkan ada rumah dan kedai di Tebrau dekat sini ditenggelami air sehingga paras bumbung dan terdapat kampung-kampung di kawasan tersebut terputus hubungan dan bekalan makanan.

Sebanyak 46 buah sekolah di seluruh negeri Johor ditutup hari ini dengan 31 daripadanya dijadikan pusat pemindahan mangsa banjir. Dua belas buah sekolah ditutup kerana ditenggelami air manakala tiga yang lain tidak dapat digunakan disebabkan laluan ke

Sepintas

- 28,781 orang dipindahkan
- Kota Tinggi putus hubungan
- PM benarkan Syed Hamid pulang
- 148 pusat pemindahan dibuka
- 46 sekolah ditutup
- Yuran sekolah ditangguh

sekolah tidak boleh dilalui kenderaan. Sebuah balai polis di Plentong, Johor Bahru pula terpaksa menutup operasinya setelah dinaiki air sedalam dua meter, manakala

■ Lihat muka 2

Johor banjir lagi

um 13/1

Wisma Persekutuan di sini ditenggelami air sedalam 0.5 meter.

Operasi pemindahan mangsa-mangsa banjir giat dijalankan oleh anggota tentera, polis dan Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) menggunakan bot-bot.

Dalam gelombang pertama banjir yang melanda negara pada 19 Disember lalu, lebih 140,000 mangsa banjir di beberapa negeri telah dipindahkan dengan kira-kira 80,000 adalah penduduk Johor.

Seramai 15 orang terkorban dalam bencana itu.

Jurucakap Bilik Gerakan Banjir Ibu Pejabat Kontinjen (IPK) Johor berkata, mangsa banjir terbaru itu melibatkan 4,656 keluarga.

Jumlah tertinggi yang dipindahkan ialah dari daerah Kluang seramai 7,650 penduduk.

Ini diikuti daerah Johor Bahru Selatan iaitu 5,720 mangsa, Johor Bahru Utara (3,021), Kota Tinggi (1,999), Segamat (749), Pontian (173), Mersing (62) dan Batu Pahat (913).

Jurucakap itu berkata, hujan yang berterusan sejak kelmarin juga menyebabkan beberapa jalan di sekitar bandar raya Johor Bahru ditenggelami air sedalam

0.3 meter hingga 0.5 meter menyebabkan air hanya dibuka kepada kenderaan berat.

Jalan-jalan yang terlibat ialah susur keluar Lebuhraya Pasir Gudang ke Taman Daya, Jalan Kangkar Tebrau-Plentong, Jambatan Plentong-Masai, Batu 15 Kampung Tenang-Jalan Sungai Tiram, Jalan Kampung Oren dan Jalan Tebrau-Kampung Sri Purnama-Majidee.

Di Kluang, jalan yang ditutup ialah Jalan Kahang-Kampung Peta ekoran jambatan Sungai Daah ditenggelami air sedalam 2.1 meter. Jalan Sawi di Kampung Yap Tau Sah pula digenangi air sedalam 0.3 meter selain Jalan Ladang Sungai Tawing-Paloh yang ditutup kepada semua lalu lintas.

Di Kota Tinggi, jalan yang dinaiki air ialah KM 24 dan 26 Jalan Kota Tinggi-Kulai (0.3 meter), KM 32 Jalan Bandar Tenggara-Kluang (0.3 meter), Jalan Tun Seri Lanang di pusat bandar Kota Tinggi (0.3 meter), KM 24 Jalan Mawai-Kota Tinggi (0.3 meter) dan Jalan Tun Habab di pusat bandar Kota Tinggi (0.7 meter).

Di Segamat, hanya KM 3 Jalan Felda Moakil ditutup kerana dibanjiri air sedalam 0.3 meter.

Bernama melaporkan, di Batu Pahat,

paras air di Empangan Semberong hari ini mencecah 12.92 meter, satu paras yang tidak pernah dicatatkannya sejak empangan itu dibina pada 1984.

Menurut pekerja-pekerja empangan tersebut, paras tersebut melebihi 0.92 meter dari paras bahayanya pada 12 meter dan mengakibatkan air empangan itu melimpah ke Sungai Semberong.

Sungai Semberong mengalir ke beberapa bahagian di Batu Pahat seperti Parit Sulong, Yong Peng dan Air Hitam.

Sementara itu di PUTRAJAYA, jurucakap Bilik Gerakan Banjir Bahagian Keselamatan Negara (BKN) ketika dihubungi berkata, pihak berkuasa sedang memantau keadaan banjir di Johor.

Katanya, pemantauan itu akan membolehkan BKN mengenal pasti mangsa-mangsa terlibat untuk membolehkan kerajaan menyalurkan segera bantuan sebanyak RM500 setiap keluarga seperti yang diumumkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi semalam.

Untuk maklumat lanjut mengenai banjir, mangsa banjir boleh menghubungi Bilik Gerakan Banjir Bahagian Keselamatan Negara (BKN) di talian 03-88-882010 atau 03-88882048. Bilik gerakan itu beroperasi 24 jam.

25,000 pekerja Indonesia bawa penyakit ke Malaysia setiap tahun

berbahaya yang dikesan di kalangan para pekerja tersebut ialah batuk kering, HIV dan hepatitis B dan ada juga kes wanita didapati hamil.

“Ada banyak dokumen kesihatan pekerja itu dipalsukan termasuk pemeriksaan x-ray,” katanya.

Menurut beliau, rakyat Indonesia yang menghidap penyakit dan menggunakan dokumen kesihatan palsu akan dihantar pulang dan tidak akan dibenarkan bekerja di Malaysia.

Katanya, memang ada kemungkinan para pekerja itu dijangkiti penyakit selepas menjalani pemeriksaan di Indonesia tetapi bilangannya terlalu kecil.

“Kita tidak mahu pekerja yang berpenyakit berjangkit itu menjadi pembawa penyakit kepada rakyat Malaysia. Gejala itu merugikan para majikan jika mereka diambil bekerja,” ujarnya.

Menteri Kesihatan berkata, tindakan tegas Malaysia dalam mengetatkan peraturan berkaitan kesihatan itu bukan bermakna kerajaan hendak menafikan soal kemanusiaan.

Katanya, kerajaan perlu menjaga kepentingan dan kesihatan rakyat Malaysia sendiri.

Beliau berharap pemerintah Indonesia akan mematuhi peraturan yang ditetapkan dengan

hanya menghantar tenaga kerja yang disahkan sihat ke Malaysia.

Soi Lek berkata, Menteri Kesihatan Indonesia yang ditemuinya memberi jaminan untuk membaiki sistem pemeriksaan kesihatan tenaga kerja negara itu sebelum pekerja-pekerja itu dihantar ke Malaysia.

Usaha juga akan dibuat untuk mengatasi masalah pemalsuan dokumen perubatan.

“Masalah itu juga akan dibincangkan pada mesyuarat dua hala Menteri Kesihatan kedua-dua negara yang akan diadakan di Jakarta pada tahun ini,” ujarnya.

Indonesia, kata beliau, menyumbang hampir 65 peratus kepada bilangan tenaga kerja di Malaysia dan adalah penting bagi Kementerian Kesihatan memastikan tenaga kerja yang masuk itu telah melalui pemeriksaan kesihatan yang berkualiti.

Dalam pertemuan dengan Menteri Kesihatan Indonesia, Soi Lek turut membincangkan isu pendidikan kerana kini terdapat 3,000 pelajar Malaysia sedang menuntut dalam bidang perubatan di pusat-pusat pengajian tinggi di Indonesia.

- Utusan